

30/11/2001

Usman Awang sasterawan ulung negara

Salbiah Ani

SASTERAWAN Negara, Datuk Dr Usman Awang, pulang ke Rahmatullah tepat jam 12.35 pagi semalam selepas mengalami komplikasi di Pusat Perubatan Pantai, Kuala Lumpur.

Allahyarham yang dilahirkan di Kampung Tanjung Lembu, Kuala Sedili, Kota Tinggi, Johor pada 12 Julai 1929, menghidap kencing manis, darah tinggi dan sakit jantung sejak beberapa tahun lalu.

Beliau meninggalkan empat anak, Haslina, 44; Iskandar, 42; Mohd Yamin, 40; Mayawati, 29; serta tujuh cucu, iaitu empat perempuan dan tiga lelaki, manakala isterinya, Hasnah Din, meninggal dunia pada 5 Februari 1999.

Beliau juga mempunyai seorang anak bernama Ayu, hasil perkahwinannya dengan Faridah Fong Chui Lin dan kedua-duanya kini menetap di Amerika Syarikat.

Pemergiannya bukan saja diratapi ahli keluarga dan saudara-mara, tetapi juga sahabat-handai dan kalangan karyawan seni kerana sumbangan besarnya kepada dunia sastera tanah air.

Karya Usman mendapat tempat di kalangan pengkaji dan peminat sastera Melayu pelbagai peringkat serta golongan sekalipun beliau hanya menerima pendidikan setakat sekolah Melayu saja.

Allahyarham disekolahkan di Kuala Sedili (1936), Mersing (1937) dan Bandar Maharani Muar (1940) hingga lulus darjah VI dan ketika pendudukan Jepun di Malaya pada 1942, menjadi petani di Segamat.

Tidak lama kemudian, beliau menjadi buruh paksa Jepun dan selama enam bulan di Singapura, beliau berjaya melepaskan diri dan pulang ke Segamat.

Allahyarham juga pernah berkhidmat sebagai budak pejabat di Pejabat Taliair Segamat pada zaman Jepun dan kemudian memasuki Pasukan Polis Jepun (Botai), tetapi selepas beberapa minggu menjalani latihan, Jepun menyerah kalah.

Usman menjadi anggota polis apabila Inggeris mula memerintah pada 1964 dan menjalani latihan di Johor Bahru sebelum menjalankan tugas di Melaka. Bagaimanapun, beliau melepaskan jawatannya pada 1951 dan berhijrah ke Singapura bersama Jamil Sulong.

Beliau diterima sebagai pembaca pruf di Melayu Raya selama enam bulan dan kemudian menjadi pemberita sebelum menjadi sidang pengarang akhbar Mingguan Melayu.

Pada 1952, Usman diterima bekerja dengan Utusan Melayu dan pada 1962 bersama Penerbitan Federal sebelum bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai Pegawai Penyelidik Kanan, Bahagian Pembinaan dan Pengembang Sastera. Mulai 1982, beliau menjadi ketua bahagian itu hingga bersara pada Julai 1985.

Allahyarham mencipta nama dalam persada sastera tanah air sejak 1950-an dan antara tokoh yang bertanggungjawab dalam pembentukan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena) dan pernah mengetuai Angkatan Sasterawan 50 (Asas 50).

Ketrampilannya sebagai seorang sasterawan melayakkannya menerima Anugerah Sea Write Award pada 1982, Anugerah Sasterawan Negara (1983) dan Anugerah Tokoh Ikatan Persuratan Melayu (2001).

Seminar Sasterawan Negara Usman Awang yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, baru-baru ini, turut mengiktiraf beliau sebagai pemikir sastera yang di luar sedarnya membangunkan teori sastera secara asas.

Nama Usman bersinar dalam bidang penulisan puisi khususnya dan hingga

kini dikatakan tiada seorang pun penyair yang mampu menandingi kekuatannya dari segi penggunaan bahasa.

Malah, Allahyarham adalah satu-satunya sasterawan Malaysia yang mampu menggabungkan unsur sastera tradisional, khususnya pantun, hingga berjaya menampilkan puisi yang tinggi nilai estetikanya.

Antara puisinya yang popular ialah Bunga Popi, Gadis di Kuburan, Pak Utih, Ke Makam Bonda, Nasib Buruh, Salam Benua, Tanah Air, Melayu, 1 Mei, Kekasih, Kitol dan Sejarah serta Bahasa Bonda.

Keperihatinan tokoh ini terhadap bangsa Melayu antaranya dapat dilihat melalui puisinya, Kitol dan Sejarah membawa mesej yang selari dengan pesanan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Melayu mudah lupa.

Usman turut menghasilkan karya berwibawa dalam genre drama dan sesetengah daripada dramanya yang dihasilkan pada 1960-an masih dipentaskan hingga kini, khususnya dalam Pertandingan Pekan Teater peringkat negeri dan kebangsaan.

Antara dramanya ialah Serunai Malam, Malam Kemerdekaan, Tamu di Bukit Kenny, Matinya Seorang Pahlawan, Muzika Uda dan Dara, Kaki Langit, Degup Jantungnya, Dari Bintang Ke Bintang, Di Bawah Matahari dan Tirai Zaman.

Muzika Uda dan Dara yang diolah semula daripada puisinya Gadis Di Kuburan (1956), mula dipentaskan sejak 1972 dan ia kemudian diolah menjadi cerpen dengan judul Uda dan Dara.

Pada 1972, kisah itu disesuaikan untuk persembahan TV dan akhirnya menjadi drama pentas yang popular dan lagu-lagu daripada Muzika Uda dan Dara pernah dirakamkan ke piring hitam oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tamu Di Bukit Kenny adalah karya beliau yang menampilkan isu sepanjang zaman dan kerap menjadi pilihan dalam Pertandingan Pekan Teater kerana kesesuaian temanya sekalipun ia digarapkan pada 1968.

Persoalan kemanusiaan yang ditampilkan dalam drama itu, termasuk permasalahan setinggan, etika kerja, sikap pengguna jalan raya Kuala Lumpur, rasuah wang, rasuah tubuh, rasuah jawatan dan maruah diri.

Badan Pencegah Rasuah (BPR) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mementaskan Tamu Di Bukit Kenny pada Julai lalu di Auditorium DBKL dalam usaha menyedarkan masyarakat melalui teater.

Karya tokoh itu yang dekat dengan rakyat juga mendapat perhatian daripada penggiat teater, Fauziah Nawi, yang mementaskan Dari Bintang Ke Bintang pada 1999 dan kini dalam proses mementaskannya semula pada Februari 2002.

Muzika Uda dan Dara pula menawan hati pemilik bersama The Actors Studio, Faridah Marican, yang mementaskannya pada 2000 melalui program Tribute To Usman Awang dan ia akan dipentaskan lagi dengan versi baru.

Tokoh ini juga menulis cerpen, tetapi ditinggalkan sejak akhir 1960-an dan kegiatannya dalam genre ini memperlihatkan sikap serta penghayatannya kepada konsep 'Seni Untuk Masyarakat' yang diperjuangkan Asas 50.

Sebahagian besar daripada cerpennya memaparkan pengalaman, pergaulan, pemerhatian dan pemikirannya terhadap kejelekan, keburukan serta kepincangan hidup dalam masyarakat Melayu khususnya.

Degup Jantung adalah kumpulan cerpennya yang tunggal dan memperlihatkan pandangan seorang anak muda berjiwa romantik dan idealis, manakala Tulang-Tulang Berselarakan adalah satu-satunya novel beliau.

Tulang-Tulang Berselarakan yang dihasilkan pada 1966 merakam peristiwa peribadi beliau ketika bekerja sebagai anggota polis dan pernah dijadikan teks wajib di sekolah negara ini.

Tidak ketinggalan tokoh ini turut menulis esei dan kritikan seperti yang dapat dilihat melalui Tema dan Tugas Sastera Melayu Moden (bersama A Samad Said), Asas Kebudayaan Kebangsaan (antologi bersama), Panduan Menulis

Cerpen (bersama Abu Bakar Hamid) dan Esei Sastera Asas 50 (antologi bersama).

Buku terakhirnya, *Dari Derita Bangsa*, memuat karya 30 penyair, termasuk dua puisi Allahyarham Usman, yang ditujukan khusus kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Ketokohan Allahyarham menonjol kerana perwatakan peribadinya yang lemah lembut dan mesra serta simpatinya kepada golongan bawahan dan manusia malang hingga kadang-kadang beliau ditafsirkan sebagai seorang seniman berjiwa rakyat.

Justeru, tidak menghairankan apabila berita kematiannya tersebar, ramai daripada kalangan sahabat-handai semua bangsa turut menziarahi jenazahnya bagi memberi penghormatan terakhir.

(END)